

VOLUME III
SERIES II
OCTOBER 2022

arte

Art and Expression

ART + COMMUNITY

EDUCATION



© Unit Penerbitan UiTM Perak, 2022

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission on writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

No eISSN: 2805-5071

Cover Design: Nur Muhammad Amin Bin Hashim Amir
Typesetting : Syed Alwi Bin Syed Abu Bakar (Dr.)¹
Aznan Bin Omar (Dr.)²

E

Editorial Board

PATRON OF HONOR

Professor Sr Dr Md Yusof Hamid AMP
(Rector, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

ADVISOR

Dr Zainudin Md Nor
(Head of the Faculty, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHAIRMAN

Dr Aznan Omar¹
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Dr Hamidi Hadi²
(Program Coordinator, Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF EDITORS

Dr Syed Alwi Syed Abu Bakar¹
(Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Dr Aznan Omar²
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

EDITORS

Dr Hamidi Hadi
Pn Noor A'yunni Muhamad
Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad
En Noor Enfendi Desa
Dr Azian Tahir
En Mahizan Hijaz Mohammad
Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin
En Muhammad Salehuddin Zakaria
Pn Hairulnisak Merman
En Anwar Fikri Abdullah
En Nur Muhammad Amin Hashim Amir

SECRETARY

Pn Noor A'yunni Muhamad¹
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad²
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

TREASURER

En Noor Enfendi Desa
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF PANEL REVIEW

Dr Azian Tahir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF TRANSLATOR

En Mahizan Hijaz Mohammad
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF DOCUMENTATION

Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

LEAD PROMOTER

En Muhammad Salehuddin Zakaria
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF TECHNICAL

Pn Hairulnisak Merman¹
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Anwar Fikri Abdullah²
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

LEAD DESIGNER

En Nur Muhammad Amin Hashim Amir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

COMMITTEE MEMBER

Cik Afina Zalifah Zat Azeni
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

ANALISIS LAKUAN BAHASA EKSPRESIF DALAM FILEM ARUS MERAH (2020) MELALUI WATAK PROTAGONIS DAN ANTAGONIS

a chapter by

NUR ALIA NAJWA YATISEMAN @ ZAKI & DR ZAINATUL SHUHaida ABDULL RAHMAN



Abstrak

Esei ini adalah reflektif interpretasi pertuturan dari sudut lakuan bahasa ekspresif yang dilihat dalam filem *Arus Merah* (2020). Esei ini dilakukan kerana mendapati kelompongan dalam lakuan bahasa, yang sukar untuk difahami makna dan penggunaannya di dalam pertuturan di dalam filem bahkan juga kurang penelitian lakuan bahasa di dalam kajian teks filem. Oleh itu, esei ini memfokuskan kepada kajian lakuan bahasa ekspresif dalam dialog yang dituturkan oleh watak yang terdapat dalam filem ini. Latihan Ilmiah ini ingin mencapai dua objektif iaitu mengenal pasti lakuan bahasa ekspresif pada watak protagonis dan antagonis dan menganalisis teks isi kandungan terhadap dialog dalam filem *Arus Merah* (2020) yang memfokuskan kepada lakuan bahasa ekspresif pada watak protagonis dan antagonis. Dengan penulisan latihan ilmiah ini, berharap ia dapat menjadikan khalayak memahami dengan lebih mendalam mengenai kegunaan lakuan bahasa ekspresif terhadap sesuatu karya filem pada masa akan datang.

Pengenalan

Lakuan bahasa adalah merupakan satu komunikasi yang mempunyai lakuannya atau perlakuan yang tertentu. Menurut Siti Nur Adibah Sabarudin dan Aminnudin Saimon (2021) menjelaskan bahawa setiap ujaran diutarakan dalam bentuk komunikasi sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan, ia tetap mempunyai lakuan yang tertentu. Pada permulaannya, Teori lakuan bahasa diwujudkan oleh dua orang ahli falsafah yang terkenal pada ketika itu iaitu Searle (1969) dan Austin (1962). Tujuan teori ini digunakan

adalah untuk memperlihatkan lakuan-lakuan yang menghubungkan perlakuan, makna dan penggunaan bahasa. Oleh itu, dalam penulisan ini hanya memfokuskan teori lakuan bahasa ekspresif yang diperkenalkan oleh Searle (1969).

Filem *Arus Merah* (2020) adalah merupakan arahan sulung Aerial Zafril di mana ia mengisahkan tentang empat orang sahabat bersahabat baik namun pada akhirnya membawa kepada pembunuhan demi menjayakan dendam yang tersimpan selama 15 tahun yang lalu. Pembunuhan ini bermula apabila Risham yang ingin mencari pembunuh abangnya dan dalam masa yang sama Marwan juga ingin mencari dan membalas dendam terhadap pembunuh adiknya, Marina sehingga akhirnya mengetahui bahawa terdapat pengkhianatan di dalam persahabatan mereka. Oleh itu, watak protagonis dalam filem ini adalah Risham manakala watak antagonis adalah Marwan.

Permasalahan Kajian

Teori lakuan bahasa ia dapat digunakan sebagai satu bentuk komunikasi yang melambangkan makna dan juga tindakan pada penutur dan pendengar. Hal ini kerana, lakuan bahasa adalah merupakan salah satu seni yang mengaplikasikan bahasa pertuturan yang mempunyai tujuan untuk mengkaji teks dalam filem *Arus Merah* (2020). Namun, lakuan bahasa, sukar untuk mengetahui penggunaannya di dalam dialog terutama dalam pengkategorian lakuan bahasa. Kenyataan ini dipersetujui oleh Aminnudin Saimon (2021) bahawa penggunaan lakuan bahasa yang jelas adalah merupakan elemen penting di dalam filem supaya plot naratif itu berkembang dan

disampaikan dengan mudah. Selain itu, dari hasil pemerhatian penulis, kajian mengenai lakuan bahasa yang menggunakan teks filem tidak banyak yang melakukan kajian mengenai lakuan bahasa. Menurut Aminuddin Saimon (2019) pula menjelaskan bahawa kandungan mesej di dalam filem sukar didapati sekiranya pendengar tidak dapat memahami hajat komunikatif daripada penutur.

Objektif Kajian

- 1) Mengenal pasti lakuan bahasa ekspresif pada watak protagonis dan antagonis dalam filem *Arus Merah* (2020).
- 2) Menganalisis teks isi kandungan terhadap dialog dalam filem *Arus Merah* (2020) yang memfokuskan kepada lakuan bahasa ekspresif pada watak protagonis dan antagonis

Lakuan Bahasa

Berdasarkan Aminuddin Saimon (2021) di dalam penulisan jurnalnya yang bertajuk *Lakuan Pertuturan dalam Filem Nordin Ahmad*. Di dalam konteks ini sangat mementingkan bahasa pertuturan di dalam filem. Kaedah analisis yang digunakan oleh Aminuddin Saimon ialah analisis tekstual yang disertakan dengan teori lakuan bahasa dari Searle (1962). Bukan itu sahaja, ia juga memfokuskan kepada lakuan direktif dan asertif kerana lakuan itu mencatatkan penggunaan yang tertinggi dalam empat filem itu.

Manakala, berdasarkan penulisan kajian oleh Aminuddin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2019) di dalam penulisan mereka yang bertajuk *Penggunaan Kiasan dalam Plot Konflik Filem: Satu Analisis Pragmatik*. Di dalam konteks itu, mereka memfokuskan bahasa kiasan di dalam plot konflik melalui filem-filem yang dilakonkan oleh Nordin Ahmad. Kajian bahasa kiasan dalam plot konflik ini menggunakan dua teori iaitu teori relevans menurut Sperber dan Wilson (1986) dan juga teori lakuan bahasa oleh Searle (1969). Di samping itu, keempat-empat filem tersebut terdapat tiga perkara yang berlaku bahasa kiasan di dalam plot yang mempunyai konflik iaitu perkelahian, ketidakpuasan hati

konflik kekecewaan.

Seterusnya, berdasarkan penulisan Abd Ganing Laenggang, Rohaidah Haron dan Ab Razak Ab Karim (2019) dalam penulisan beliau yang bertajuk *Lakuan Bahasa Ekspresi Tun Dr. Mahathir: Kajian Kes Terhadap 40 Artikel Chedet.cc*. Penulisan beliau memfokuskan kepada ujaran-ujaran yang terkandung dalam 40 artikel kritikan Dr Mahathir mengenai isu 1MDB dengan melihat dari sudut pandang lakuan bahasa ekspresif. Hal ini kerana, lakuan bahasa ekspresif mencatatkan jumlah ujaran yang sedikit terhadap 40 artikel chedet.cc itu. Malah, dalam penulisan Abd Ganing Laenggang juga turut meneliti dengan lebih mendalam lakuan bahasa ekspresif itu dengan menemukan sebanyak tujuh subkategori lakuan bahasa dalam 40 artikel tersebut.

Dapatan Dan Perbincangan

Dapatan analisis memfokuskan lakuan Bahasa ekspresif yang terdapat pada dialog yang diutarakan oleh watak protagonis iaitu Risham dan antagonis iaitu Marwan. Berikut adalah merupakan jadual yang merekod semua kategori lakuan bahasa dalam filem *Arus Merah* (2020) melalui ujaran watak protagonis dan antagonis. Jumlah ujaran lakuan bahasa ekspresif yang terdapat dalam filem *Arus Merah* (2020) melalui dialog pada watak protagonis dan antagonis adalah sebanyak 141 ujaran. Malah, lakuan bahasa ekspresif telah mencatatkan jumlah ujaran yang tertinggi.

Lakuan Ekspresif

Lakuan ekspresif adalah merupakan satu percakapan yang bertujuan mengungkapkan perasaan penutur pada ketika itu kepada pendengar. Menurut Abd Ganing Laenggang et al., (2019) mengatakan bahawa lakuan ekspresif adalah percakapan yang menunjukkan sifat psikologi atau percakapan untuk menggambarkan emosi dan perasaan tertentu. Berdasarkan pernyataan tersebut, lakuan bahasa adalah merupakan gambaran perasaan penutur samada dalam keadaan gembira, sedih, memuji dan sebagainya. Subkategori yang terdapat dalam hasil analisis ini adalah ekspresif marah, ekspresif menuduh,

ekspresif permohonan maaf dan ekspresif pujian.

Ekspresif Marah

Ekspresif marah adalah merupakan emosi penutur yang dalam keadaan marah dan setiap pertuturan yang dilontarkan oleh penutur kepada pendengar adalah perkataan-perkataan kasar untuk menunjukkan penutur itu dalam keadaan emosi marah. Dalam filem ini, terdapat beberapa ujaran daripada watak protagonis dan antagonis yang mempunyai ekspresif marah dengan mengeluarkan perkataan kasar seperti memaki hamun. Berikut jadual dibawah menunjukkan beberapa contoh ujaran yang diambil pada dua watak itu.

Jadual 1: Ujaran pada watak protagonis dan antagonis dalam lakuan ekspresif marah

Minit	Ujaran Watak Risham	Minit	Ujaran Watak Marwan
46:10	Adik kau tu cuma umpan aku nak panggil kau balik sini Marwan!	42:05	Binatang kau sham!
46:18	Bodoh!	44:06	Celaka kau sham!
46:29	Kau pecahkan botol yang banyak simpan cerita pasal kita	44:09	Kau dayus!

Pada minit ke 46:10 telah menggambarkan emosi watak dalam keadaan marah dan penuh dengan dendam. Ujaran tersebut menunjukkan bahawa amarah penutur yang tengah membara sehingga telah melakukan suatu perkara yang berada di luar kawalan. Sebagai contoh ujaran tersebut, Risham mengatakan kepada Marwan dalam keadaan emosi marah bahawa dia telah menjadikan Marina sebagai umpan dengan cara membunuhnya bagi memastikan Marwan datang kepada Risham. Selain itu, pada minit ke 46:18 menunjukkan emosi marah dengan mengeluarkan perkataan-perkataan kesat bagi menggambarkan emosinya sedang dalam keadaan marah bahkan penutur juga telah menyamakan sifat pendengar itu dengan binatang atau kata-kata kasar yang boleh membuatkan secara tidak langsung pendengar juga turut bertukar emosi marah. Hal ini turut sama seperti ujaran pada minit ke 42:05, minit ke 44:06 dan pada minit ke 44:09. Akhir sekali, pada minit ke 46:29 menunjukkan emosi penutur marah kepada pendengar namun percakapannya tidak mengeluarkan perkataan-perkataan kesat. Sebagai contoh, Risham telah memarahi Marwan yang telah memecahkan botol

yang banyak menyimpan kisah mereka.

Ekspresif Menuduh

Ekspresif tuduh adalah merupakan satu percakapan antara penutur dengan pendengar yang sedang menyalahkan orang lain atau menuduh sesama sendiri mengenai sesuatu masalah yang berlaku. Begitu juga, dalam filem *Arus Merah* (2020) juga mempunyai beberapa ujaran pada watak protagonis dan antagonis mengenai ekspresif tuduhan. Berikut adalah jadual yang menunjukkan beberapa contoh ujaran ekspresif menuduh.

Jadual 2: Ujaran pada watak protagonis dan antagonis dalam lakuan ekspresif menuduh

Minit	Ujaran Watak Risham	Minit	Ujaran Watak Marwan
09:44	Kerja falak kut ni	47:09	Yang abang kau tu pembohong!
52:45	Entah-entah kau yang bunuh Falak kan?	1:08:48	Perangai dia lebih teruk daripada binatang
38:22	Hadi pun kau bunuh agaknya		

Pada minit ke 09:44 menunjukkan percakapan penutur yang sedang dalam keadaan ekspresif menyalahkan orang lain dalam masalah yang berlaku kepada pendengar di mana Risham memberitahu kepada Marwan bahawa Falak yang melakukan pembunuhan ke atas Marina. Perkara ini jelas menunjukkan Risham telah menyalahkan Falak dalam kes pembunuhan Marina. Malah, ekspresif ini sama seperti minit ke 47:09 yang menunjukkan watak Marwan menuduh abang kepada Risham sebagai pembohong dan pada minit ke 1:08:48 juga sama apabila penutur menyalahkan orang lain dalam percakapan dengan orang lain. Sebagai contoh, Marwan telah menyamakan perangai abang Risham lebih teruk daripada binatang. Manakala, pada minit ke 38:22 iaitu pada ujaran watak Risham sedang menyalahkan pendengar itu sendiri iaitu Marwan ke atas kematian Hadi. Ujaran ini juga sama seperti ujaran pada minit 52:45.

Ekspresif Permohonan Maaf

Ekspresif permohonan maaf adalah satu pertuturan yang bertujuan untuk meminta maaf atas sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh penutur tersebut. Berdasarkan Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof (2019) mengatakan bahawa ekspresif

memohon maaf adalah merupakan ujaran memohon untuk dimaafkan dan diampunkan dengan kesalahan yang dilakukan. Dalam filem *Arus Merah* (2020) turut mempunyai lakuan ekspresif permohonan maaf namun ia hanya terdapat dalam ujaran pada watak antagonis sahaja iaitu Marwan. Berikut adalah merupakan beberapa contoh pertuturan yang mempunyai ekspresif permohonan maaf.

Jadual 3: Ujaran pada watak antagonis dalam lakuan permohonan maaf

Minit	Ujaran watak Marwan
03:54	Sorry lah tak dapat datang waktu tu
28:17	Maaflah, sebab rahsiakan pasal Falak selama ini dengan kau
1:14:33	Maafkan aku

Pada minit ke 03:58 menunjukkan ekspresif watak Risham yang memohon maaf kepada Risham kerana tidak dapat hadir semasa pengebumian abang Risham. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pertuturan yang diucapkan oleh penutur jelas memohon maaf kepada pendengar atas sebab tertentu iaitu kerana tidak dapat hadir ke sesuatu majlis atau sebagainya. Manakala pada minit 28:17 pula adalah bertujuan memohon kemaafan itu atas sebab merahsiakan sesuatu yang boleh menimbulkan isu pendengar itu berkecil hati. Oleh sebab itu, berlakunya ekspresif permohonan maaf ini untuk memastikan tiadanya salah faham berlaku antara penutur dan pendengar. Malah, ia juga untuk mendapatkan keampunan daripada pendengar. Akhir sekali, pada minit ke 1:14:33 adalah merupakan ujaran daripada penutur yang betul-betul mengharap kemaafan daripada pendengar. Sebagai contoh, ujaran dalam jadual di atas Marwan memohon maaf kepada Risham apabila Risham meminta Marwan membunuhnya kerana telah kecewa apabila mengetahui bahawa Marwan adalah dalang dan pembunuh abangnya. Ujaran ini merupakan ekspresif memohon maaf yang begitu mendalam untuk mendapatkan kemaafan itu. Hal ini kerana Marwan berasa bersalah apabila melihat Risham telah kehilangan abangnya tetapi dalam masa yang sama Marwan ingin melunaskan dendamnya terhadap abang Risham.

Ekspresif Pujian

Lakuan ekspresif pujian adalah merupakan pertuturan yang menunjukkan satu pujian yang

berlaku antara penutur kepada pendengar samada penutur itu memuji pendengar itu sendiri ataupun penutur sedang memuji orang lain kepada pendengar. Menurut Roswati Abdul Rashid et al., (2019) menjelaskan fungsi pujian untuk menunjukkan solidariti dalam mengeratkan hubungan atau mewujudkan persefahaman antara satu sama lain. Berikut jadual di bawah adalah merupakan contoh ujaran mengenai ekspresif pujian tetapi ia hanya berlaku pada percakapan watak protagonis sahaja iaitu Risham.

Jadual 4: Ujaran pada watak protagonis dalam lakuan ekspresif pujian

Minit	Ujaran watak Risham
15:14	Pandai kau ambil hati dia ye
15:32	Abang cakap kau ni pengetahuan luas
16:40	Dia bijak ambil peluang apa yang ada depan mata
32:48	Haa nampak! Sepuluh tahun tau muda

Pada minit ke 15:14 menunjukkan seorang penutur membuat ekspresif memuji melalui percakapannya. Malah, percakapan itu mengandungi ekspresif yang positif dan benar. Sebagai contoh ujaran itu jelas menunjukkan Risham memuji Marwan yang berjaya mengambil hati abangnya. Begitu juga, pada minit ke 15:32 juga turut menunjukkan penutur itu masih memuji hal yang sama kepada pendengar dengan menceritakan balik apa yang orang lain memuji pendengar itu. Sebagai contoh ujaran, Risham menceritakan semula apa yang abangnya telah membuat pujian kepada Marwan di mana abang Risham memberitahu bahawa Marwan seorang yang berpengetahuan luas. Cara ekspresif pujian itu juga sama seperti minit ke 32:48 di mana Risham telah memuji abangnya yang sedang memakai cermin mata baharu pemberiannya. Dalam masa yang sama, pujian itu juga bertujuan untuk memujuk hati pendengar yang pada ketika itu menghadapi kekusutan masalah. Dengan secara tidak langsung, pujian spontan itu membolehkan emosi pendengar menjadi lebih baik. Manakala, pada minit ke menunjukkan lakuan ekspresif memuji orang lain tetapi ia diceritakan kepada pendengar. Sebagai contoh, percakapan Risham yang sedang memuji abangnya seorang yang bijak mengambil peluang kepada Marwan.

Kesimpulan

Lakuan bahasa ekspresif mencatatkan jumlah tertinggi dalam filem *Arus Merah* (2020). Hal ini kerana, filem *Arus Merah* (2020) adalah merupakan jalan cerita yang berunsurkan dendam dan pengkhianatan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa wajar memasukkan lakuan bahasa ekspresif terhadap seseorang watak untuk menampakkan pembawaan watak itu hidup di skrin layar dari segi emosi dan perasaan. Dari hasil pemerhatian penulis terhadap latihan ilmiah ini adalah betapa pentingnya penulis skrip menulis skrip yang supaya lakuan bahasa yang dipertuturkan oleh watak protagonis, watak antagonis dan juga watak-watak yang lain memberi makna yang boleh mendidik khalayak.

Rujukan

- Abd Ganing Laengkang, Rohaidah Haron dan Ab Razak Ab Karim. (2019). Lakuan Bahasa ekspresif Tun Dr. Mahathir: Kajian kes terhadap 40 artikel chedet. cc. *Malaysian Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(1),033-052
- Aminnudin Saimon. (2021). Lakuan pertuturan dalam filem Nordin Ahmad. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(1), 033-052.
- Aminnudin Saimon. (2019). Lakuan Bahasa dalam Filem Melayu Terpilih. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia)
- Aminuddin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2019). Penggunaan kiasan dalam plot konflik filem: Satu analisis pragmatik. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10,57-74.
- Andre. (2020). Sinopsis *Arus Merah* (2020) terlengkap. Film Malaysia. <https://www.tentangsinopsis.com/sinopsis-arus-merah-film-malaysia-2020-terlengkap/>
- Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof. (2019). Lakuan bahasa dalam ceramah Agama. *Akademika*, 89(Isu Khas), 41-53.
- Roswati Abdul Rashid, Satoshi Masutani, Noor Rohana Mansor, Roslina Mamat, Nurul Ain Chua Abdullah, dan Rosdi Zakaria. (2019). Penelitian lakuan bahasa pujian dalam komunikasi silang budaya pelancongan Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 4(1), 23-48.
- Siti Nur Adibah Sabarudin dan Aminnudin Saimon. (2021). Lakuan pertuturan dalam video infografik COVID-19. *Jurnal Bahasa*, 21(2), 325-352. [https://doi.org/10.37052/jb21\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/jb21(2)no7)

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

nar

Setuju.

27.1.2023

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR